

16/03/1997

Melayu mampu jadi 'pemain global' dalam ekonomi

Prof Datuk Wan Hashim Wan Teh

MASIH jelas dalam ingatan saya sewaktu diadakan mesyuarat pertama Jawatankuasa Induk Konvesyen Ulang Tahun ke-50 Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada 7 Mac 1996 bagi memilih tiga tokoh untuk menyediakan kertas kerja ekonomi, pendidikan dan agama. Mesyuarat dengan mudah dan sebulat suara mencadangkan Allahyarham Yahaya Ahmad untuk kertas Kerja Ekonomi manakala Kertas Kerja Pendidikan dan Agama masing-masing dicadangkan Tan Sri Awang Had Salleh dan Datuk Dr Ismail Ibrahim.

Kira-kira lima minggu kemudian, Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Konvensyen yang dipengerusikan Datuk Mustapa Mohamed menerima draf awal kertas kerja daripada Allahyarham yang hampir lengkap, setebal 53 muka surat.

Pada masa diadakan Prakonvesyen sehari di Dewan Tun Dr Ismail pada 20 April 1996, muncul versi kedua setebal 10 muka surat yang menjadi kerangka yang disesuaikan dengan masa pembentangan selama 20 minit. Oleh kerana Allahyarham ada di luar negara menyertai rombongan Perdana Menteri, kertas ini dibentangkan oleh Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia, Dr Adam Harun.

Versi pertama dan kedua kertas kerja ini dijadikan asas perbincangan dalam bengkel selama dua hari yang diadakan di Pan Pacific Glenmarie Resort Shah Alam, pada 2 dan 3 Mei 1996 sebagai persediaan akhir Konvensyen pada 11 Mei 1996.

Antara mereka yang hadir pada bengkel itu ialah Datuk Seri Najib (Pengerusi Jawatankuasa Induk), Datuk Mustapa Mohamed (Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penyelenggara), Datuk Tajol Rosli (Setiausaha), Datuk Idris Jusoh, Datuk Kadir Sheikh Fadzil, Tan Sri Kamarul Ariffin, Datuk Hassan Harun, Datuk Dr Kamal Salleh, Dr Ismail Salleh, Dr Adam Harun, Dr Awang Adek, Mohd Mustapha Najimuddin, Anuar Abd Razak dan beberapa lagi tokoh usahawan muda yang menganggotai kelompok kertas kerja ekonomi. Kertas kerja yang disediakan oleh Allahyarham ini mengandungi Agenda Ekonomi Bumiputera Dalam Memasuki Abad Ke-21.

Atas permintaan Allahyarham sendiri, kertas kerja ini diterbitkan oleh DPPMM, bertajuk Perjuangan Yang Belum Selesai.

Seperti yang diberitakan oleh Ketua Eksekutif DPPMM, Mohd Mustapha Najimuddin, sememangnya menjadi hasrat dan harapan Allahyarham agar buku setebal 72 muka surat ini dapat disebar secara meluas kepada pejuang politik dan usahawan Melayu supaya mereka memahami dan berpegang kepada suatu prinsip perjuangan bagi menjamin kemajuan dan berjaya meningkatkan martabat bangsa Melayu/Bumiputera dalam masa yang tidak begitu lama. Sebagaimana disuarakan oleh Allahyarham pada perenggan dua bahagian Pengenalan Kertas kerja Pra Konvesyen:

"Arus cabaran harus ditongkah dan sumber kekuatan harus dijalinan dan dijana demi membina satu bangsa yang kukuh dan utuh maruah dan martabatnya, sebagai satu bangsa yang dihormati oleh bangsa lain di dunia, dan sebagai satu bangsa yang berupaya menyumbang terhadap peradaban millenium yang akan datang ini."

Kata-kata keramat 'satu bangsa yang dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia' adalah frasa yang sering diucapkan berulang kali oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pada masa lalu yang sesuai dijadikan cita-cita dan wawasan bersama Bumiputera dalam memasuki abad ke-21.

Dalam bahagian visi strategik, Allahyarham mencadangkan empat perkara berikut:

Menjadikan ekonomi negara sebagai ekonomi negara Islam yang pertama (sekali gus ummah yang pertama) mencapai tahap negara Islam (dan ummah), maju dalam millenium yang akan datang ini.

Mencetuskan satu generasi homo economicus Melayu yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, tinggi nilai keagamaannya, utuh nilai kerohaniannya, luhur budi pekertinya.

Merungkai dan merantai perjalinan kerjasama antara Dunia Melayu/Islam demi kesejahteraan dan keamanan ummah sejagat.

Menyumbang dan menjana pembangunan peradaban millenium yang akan datang ini.

Seterusnya, Allahyarham mengutarakan sembilan langkah strategik untuk pembangunan ekonomi Bumiputera seperti berikut:

- * Peningkatan Keupayaan Pengurusan.
- * Orientasi ke Arah Perniagaan Besar.
- * Penglibatan Dalam Perniagaan Moden (seperti francais).
- * Penguasaan Teknologi Tinggi dan Sektor Strategik.
- * Peningkatan dan Penyusunan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).
- * Pengorientasian semula objektif Agensi Amanah.
- * Pengekalan Peranan Kerajaan Sebagai Perintis dan Pemangkin, Pembangunan dan Pertumbuhan Ekonomi Melayu.
- * Perangkaan dan Perantaraan Dunia Melayu.
- * Pemupukan nilai-nilai agama, etika dan moral yang tinggi

Dalam versi kemaskini kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen 50 tahun Umno, 11 Mei 1996, Allahyarham menerima pandangan kelompok ekonomi yang bertemu di Pan Pacific Glenmarie dan memasukkan empat perkara berikut sebagai tambahan kepada kertas kerja beliau yang asal:

- * Peningkatan Bilangan Penyenaian Syarikat Melayu.
- * Mekanisme Pembangunan Teknologi Melayu.
- * Pemantapan Keadilan Sosial (termasuk warga tani dan golongan miskin).
- * Pembentukan Mekanisme memandu dan Mengawas Pelaksanaan Strategi Ekonomi Melayu.

Ruang yang amat terbatas ini tidak memungkinkan kita membuat kupasan satu persatu langkah-langkah strategik yang dicadangkan oleh Allahyarham. Apa yang menarik untuk diperhatikan ialah idea Allahyarham yang begitu tegas dan konsisten terhadap rancangan atau wawasannya `untuk mengembang dan memantapkan satu kelas menengah Melayu yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, tinggi nilai keagamaannya, utuh nilai kerohaniannya dan luhur pula budi pekertinya.

Jelas bahawa Allahyarham menolak kelahiran usahawan Melayu yang mempunyai ciri-ciri homo economicus, seorang tokoh peniaga dan industrialis yang berjaya tetapi tercabut dari akar budaya dan terpisah daripada nilai kerohanian dan longgar pegangannya terhadap agama. Bagi Allahyarham, pemupukan nilai-nilai murni dan budi pekerti yang luhur menjadi suatu prasyarat penting dalam melahirkan kelas menengah perdagangan Melayu yang kukuh dan lestari.

Konsep permuafakatan sosial menagih tanggungjawab sosial yang mesti dipikul oleh seseorang usahawan yang berjaya agar mereka tidak muncul sebagai `kacang yang lupakan kulit'. Ia menuntut saling membantu dan tolong menolong di antara mereka yang berjaya dan kurang berjaya.

Allahyarham secara optimistik meneropong jauh dan yakin akan kemampuan Bumiputera untuk muncul sebagai `pemain global' dalam arena ekonomi, di samping mempunyai kemampuan mencorakkan tamadun negara pada abad ke-21 nanti. Dalam masa yang singkat, beliau muncul sebagai seorang usahawan Melayu kelas dunia yang berjaya menolak andaian lama bahawa Melayu tidak mampu untuk muncul sebagai tokoh perniagaan antarabangsa.

Contoh yang beliau sendiri tunjukkan, sebagai seorang usahawan yang meletakkan di tempat yang tinggi kepentingan berpegang kukuh kepada agama,

budaya dan etika hidup yang murni dan luhur, meletakkan beliau layak
dijadikan rol model sebagai ikutan dan contoh Melayu Baru yang unggul.
(END)